

Penerokaan saintifik. **di Endau-Rompin**



Peserta terpaksa menyusuri denai yang juga laluan utama gajah di Taman Negara Endau-Rompin.

Seramai 50 peserta yang terdiri daripada penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Ekspedisi Trans Selai-Peta di Taman Negara Endau-Rompin bagi menjalankan pelbagai kajian selain mencari dan merekod maklumat penting berkaitan hutan dan alam semula jadi.

Ekspedisi sembilan hari anjuran Perbadanan Taman Negara Johor Endau-Rompin, UTHM dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia membabitkan perjalanan sejauh 44 kilometer bermula dari Selai, Segamat menuju ke Peta, Mersing.

Penyelidik UTHM diketuai Prof Datin Dr Maryati Mohamed dan ekspedisi itu dianggap antara penjelajahan paling mencabar pernah diadakan berikutan denai digunakan peserta tidak pernah digunakan sejak 10 tahun lalu.

Selain UTHM, ekspedisi turut membabitkan penyelidik Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),

Jabatan Perikanan dan dibantu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), kakitangan Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan masyarakat tempatan iaitu Orang Asli suku Orang Jakun.

Perjalanan mencabar

Menyusuri denai yang juga laluan utama gajah serta berperang dengan serangan puluhan pacat antara cabaran utama yang dihadapi peserta ekspedisi. Perjalanan turut melalui air terjun, mendaki cerun yang curam, menuruni lembah dan meredah hujan, namun semua itu tidak menghalang penyelidik melakukan tugas merekod,



Penyelidik ekspedisi berbincang mengenai hasil penemuan penyelidikan.

mengumpul dan mengkaji.

Dr Maryati berkata, ekspedisi bertujuan mengumpulkan bahan kajian flora dan fauna serta melakukan beberapa kajian berkaitan air merangkumi hidrologi, kualiti dan bioindikator.

Katanya, turut diberi tumpuan ialah aspek geologi, landskap, serangga, etnobotani (tumbuhan ubatan), etnoentomologi (serangga penting dalam kehidupan), diversiti orkid, kulat dan juga perikanan.

“Segala maklumat dan penemuan baru yang direkodkan semasa ekspedisi ini diharapkan dapat dijadikan panduan berguna dan membantu pihak tertentu bagi sebarang usaha memulihara hutan semula jadi



Penyelidik meninjau pokok durian yang ditemui ketika perjalanan menuju ke tempat kajian.



Dr Maryati memerhatikan habitat serangga yang ditemui.

di negara kita,” katanya.

Bentang hasil kajian

Sementara itu, satu sesi pembentangan hasil kajian peringkat awal yang diperoleh pengkaji UTHM yang menyertai Ekspedisi Saintifik Trans Selai-Peta, Taman Negara Endau-Rompin diadakan di kampus induk UTHM, baru-baru ini.

Dalam sesi pembentangan itu, Prof Maryati berkata, kumpulan penyelidik UTHM akan meneruskan kajian masing-masing melalui sampel yang dikutip selain meneruskan kerja ke lapangan bagi mengetahui biodiversiti di taman yang dianggarkan berusia 248 juta tahun ini. Hadir sama mendengarkan pembentangan itu, Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan wakil PTNJ.